

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

HMP 204 Linguistik Sejarah dan Perbandingan
Bahasa Melayu Polinesia

Masa: [3 jam]

Kertas Peperiksaan ini mengandungi TUJUH (7) soalan dalam TIGA (3) muka surat.

ARAHAN:

- Jawab LIMA (5) soalan sahaja.
- Semua soalan membawa nilai markah yang sama (20%).
- Jawapan mestilah lengkap, ringkas, bernas dan analitikal.
- Gunakan muka surat baru bagi setiap nombor soalan baru dan tulis nombor soalan berkenaan di bahagian atas kertas jawapan.
- Di muka hadapan buku jawapan, tulis nombor soalan yang dijawab sahaja mengikut nombor urutan 1 - 7.

1. Apakah perbezaan Linguistik Sejarah dengan Sejarah Linguistik? (James T. Collins, "Ilmu Linguistik Sejarah: Asas Kaedah dan Hasilnya" (Jurnal Dewan Bahasa, Oktober 1981)).
2. Nyatakan apakah yang dimaksud dengan teori Peniruan Bunyi oleh J.G. Herder dan teori Nativistik oleh Max Muller. Nyatakan juga persamaan dan perbezaan kedua-dua teori ini (Gorys Keraf, Linguistik Bandingan Historis, 1984 : 3 dan 4).
3. Plato (429 - 348 S.M.) mempersoalkan apakah nama benda/pemberian nama kepada benda dilakukan secara sewenang-wenang/perjanjian masyarakat atau mempunyai hubungan yang sewajarnya (Wojowasito, Linguistik: Sejarah Ilmu Perbandingan Bahasa, 1965 :31). Apakah pendirian anda terhadap kedua-dua persoalan ini di dalam kes Bahasa Melayu Polinesia?

4. Tujuan dan kepentingan ilmu Linguistik Sejarah dan Perbandingan Bahasa ada 4 (Gorys Keraf, **Linguistik Bandingan Historis**, 1984 : 23). Nyatakan dua sahaja daripadanya.
5. K.A. Adelaar di dalam makalahnya "More on Proto-Malayic" di dalam **Rekonstruksi dan Cabang-cabang Melayu Induk** (Penyelenggara: Mohd. Thani Ahmad dan Zaini Mohamed Zain, 1988 : 74) mengambil kesimpulan bahawa bahasa Melayu lebih berkemungkinan besar berasal dari Borneo Barat, bukan dari Palembang, Sumatera Selatan. Bagaimana pula pendapat anda?
6. Sila lukis skema susur galur bahasa Melayu Purba hingga ke bahasa Melayu Moden berdasarkan pendapat Asmah Hj. Omar di dalam **Susur Galur Bahasa Melayu**, 1985 : 395). Jika anda setuju dengan pendapat beliau, sila beriuraian hubungan di antara bahasa Melayu Purba dengan bahasa Melayu Moden. Bincangkan skema tersebut secara terperinci serta perlihatkan kekuatan dan kelebihannya.
7. Buat satu cerakinan pendek berdasarkan peranggu (set) yang disertakan berikut ini (jika lambang fonetik tidak tepat, sila ubahsuai).

Dialek Kedah

[kuci]	kunci	[panān]	pandan
[akat ⁷]	angkat	[kunin̄]	kuning
[panāy]	pandai	[belana]	belanja
[bəci]	benci	[pusin]	pusing
[akot ⁷]	angkut	[pinam]	pinjam

Dialek Kelantan

[pula]	pulau	[χiyoh]	riuh
[lio]	liur	[kuba]	kerbau
[oχε]	orang	[səχupo]	serupa
[keda]	kedai	[pula]	pulau
[aχε]	arang	[kitp ⁴]	kita

Dialek Perak

[pasiyo]	pasir	[kaco]	kacau
[lempo]	lempar	[keRobo]	kerbau
[peRoyoq]	periuk	[tumpoy]	tumpul
[pikiyo]	fikir	[kubo]	kubur
[halo]	halau	[timboy]	timbul

-ooooooo-